



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 14, No. 28 (December 2024)

Keperluan Hafalan Kitab Hadith 40 Imam Al-Nawawi Dalam Kurikulum Pengajian Islam di IPT Malaysia: Satu Kajian Awal

[The Need for Memorization of the 40 Hadith of Imam al-Nawawi in Islamic Studies Curriculum at Malaysian Higher Education Institutions: A Preliminary Study]

Khairulnazrin Nasir,^{1*} Ikmal Adnan²; Khalilullah Amin Ahmad³, Mohd Nor Adzhar Ibrahim⁴ & Mohd Azhar bin Abdullah⁵

¹ Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya Education Centre (UMEC), Malaysia. khairulnazrin@um.edu.my . 0133242865

² Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), Malaysia. ikmal.adnan@kias.edu.my . 0169212240

³ Research Centre for Quran and Sunnah, Faculty of Islamic Studies, Universiti *****, Malaysia, ****@****.edu.my, 0199301502.

⁴ Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, MALAYSIA mnor.adzhar@usim.edu.my 0182090102

⁵ Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), Malaysia. dr.har68@gmail.com. 011-1903 0888

* Corresponding Author: ¹ Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya Education Centre (UMEC), Malaysia. khairulnazrin@um.edu.my . 0133242865

Keywords:

40 Hadith of Imam al-Nawawi, Hadith Memorization, Islamic Studies Curriculum in Higher Education Institutions (HEIs), Human Capital Development

ABSTRACT

In August 2023, the Malaysian Ministry of Education introduced the "Module of Understanding the 40 Hadith of Imam Nawawi" as a learning module in schools to enhance religious understanding among teachers and students in Islamic schools. However, the program only involves studies at the primary and secondary levels. The practice of memorizing the 40 Hadith of Imam al-Nawawi has become increasingly marginalized among Islamic studies students in Malaysian higher education institutions (HEIs) today. This needs to be addressed given the importance and significance of memorizing these selected hadiths from both a scholarly and spiritual perspective. This study assesses the need to make memorization of the 40 Hadith of Imam al-Nawawi a compulsory course in the Islamic studies curriculum at Malaysian HEIs. This study uses a qualitative method through a literature review and interviews to identify current challenges faced by students, effective memorization methods and techniques, the role of lecturers, and proposals for the implementation of memorization courses and appropriate assessment methods. The findings indicate a significant need to make this memorization course compulsory to produce graduates who fully understand Islam. Effective memorization methods and techniques have also been identified. Discussions cover proposals for the implementation of memorization courses, appropriate assessment methods, and the positive impact of hadith memorization on student personality development, the development of excellent human capital, and a civilized society. The approach of making the memorization of the 40 Hadith of Imam al-Nawawi a compulsory course can realize the true objectives of Islamic education in HEIs by producing graduates who fully understand

Kata Kunci:

Hadith 40 Imam al-Nawawi,
Hafalan Hadith, Kurikulum
Pengajian Islam Institusi
Pengajian Tinggi (IPT),
Pembangunan Modal Insan

ABSTRAK

Pada Ogos 2023, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan “Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi” sebagai modul pembelajaran di sekolah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman agama dalam kalangan guru dan pelajar di sekolah Islam. Walau bagaimanapun, program tersebut hanya membabitkan pengajian di peringkat rendah dan menengah sahaja. Amalan menghafal Hadith 40 Imam al-Nawawi semakin terpinggir dalam kalangan pelajar pengajian Islam di institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia pada masa kini. Hal ini perlu diberi perhatian memandangkan kepentingan dan keistimewaan menghafal hadith-hadith pilihan ini dari sudut ilmiah dan kerohanian. Kajian ini menilai keperluan menjadikan hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi sebagai satu kursus wajib dalam kurikulum pengajian Islam di IPT Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dan temu bual untuk mengenal pasti cabaran semasa yang dihadapi pelajar, kaedah dan teknik berkesan menghafal, peranan pensyarah serta cadangan pelaksanaan kursus hafalan dan kaedah penilaian yang sesuai. Dapatan menunjukkan terdapat keperluan signifikan untuk mewajibkan kursus hafalan ini bagi melahirkan graduan yang menghayati Islam sepenuhnya. Kaedah dan teknik menghafal yang berkesan turut dikenal pasti. Perbincangan meliputi cadangan pelaksanaan kursus hafalan, kaedah penilaian yang sesuai serta impak positif hafalan hadith terhadap pembangunan sahsiah pelajar, pembinaan modal insan cemerlang dan masyarakat bertamadun. Pendekatan mewajibkan kursus hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi mampu merealisasikan matlamat pendidikan Islam sebenar di IPT dengan melahirkan graduan yang menghayati ajaran Islam secara menyeluruh.

Received: August 31, 2024

Accepted: Sept 11, 2024

Online Published: Dec 31, 2024

1. Pendahuluan

Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi atau nama asalnya *al-Arba'īn fī Mabānī al-Islām wa Qawā'id al-Aḥkām* yang lebih dikenali sebagai *al-Arba'īn al-Nawawiah* ialah sebuah karya agung yang sangat terkenal. Karya ini mengandungi kompilasi 42 teks hadith yang dianggap penting untuk diketahui oleh setiap Muslim. Penulisnya, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf (631-676 H / 1230-1277 M) terkenal dengan gelaran Imam al-Nawawi termasuk dalam kalangan ulama tersohor, khususnya dalam mazhab Syafii (Amin, 2021). Di samping memfokuskan hadith-hadith yang penting, al-Nawawi dalam karyanya ini turut menekankan kepada hadith-hadith sahih dan autentik, terutama yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim (Hidayat et al., 2017; Dani, 2018), meskipun penerimaan hadith-hadith daif oleh ulama seperti al-Nawawi telah mencetuskan perdebatan mengenai penggunaannya sebagai sandaran hukum dan kelebihan amalan (Rakhman, 2023).

Tema hadith-hadith yang terkandung dalam karya ini meliputi pelbagai aspek ajaran dan amalan Islam, termasuk akidah, ibadah, akhlak, dan pergaulan sosial (Hamdan, & Mohd Noor, 2022; Amin, 2021). Idea di sebalik penyusunan karya ini bermula apabila Ibn al-Ṣalāh (m. 643 H) menghimpunkan dan menyusun 26 teks hadith bagi sesi pengajarannya. Koleksi tersebut dianggap mampu merumuskan komponen-komponen ajaran Islam. Kemudian, Imam al-Nawawi menambah sejumlah 16 teks hadith lagi sehingga melengkapkan 42 teks hadith (Ibn Raja bal-Hanbali, 1997). Karya ini mendapat penghormatan, pengiktirafan oleh para sarjana Islam sejak dahulu sehingga kini (Noor, et. al., 2020; Zitouni et al., 2022; Hafidhuddin & Qudsy, 2021). Hadith-hadith dalam karya ini telah dihafal, dianalisis, dihuraikan, malah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa di dunia, termasuk ulama-ulama di Nusantara (Kirin et al., 2022).



Dalam pada itu, interaksi dengan hadith dalam konteks pendidikan moden dan transformasi masyarakat ke arah nilai-nilai murni amat signifikan (Amin & Siregar, 2022; Surahmat, 2015). Justeru, karya ini digunakan dalam pendidikan Islam di Malaysia sebagai Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini bertujuan untuk memupuk penghayatan hadith tentang semangat ihsan, kasih sayang, dan memperkasakan kefahaman agama dalam kalangan guru dan murid beragama Islam, bermula di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah agama bantuan kerajaan, berdasarkan tiga elemen utama iaitu adab, akhlak dan integriti (Iskandar, 2023; Maisarah, 2023)

2. Sorotan Kajian Lepas

Antara tema utama yang menjadi tumpuan kajian-kajian lepas tentang Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi adalah daripada aspek isi kandungan dan signifikan hadith-hadith yang terkandung dalamnya. Para ulama silam dan kontemporari telah mengupas maksud, syarah, dan pengajaran penting yang boleh diambil daripada setiap hadith yang dipilih oleh Imam al-Nawawi (Badi, 2016; Sabuding, 1994). Mereka menganalisis nilai-nilai murni seperti akhlak, akidah dan ibadah yang terkandung dalam kitab tersebut serta kepentingannya dalam pembentukan masyarakat yang berintegriti dan berakhlak mulia. Antara sarjana terawal yang mengupas Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi ialah Ibn Daqiq al-'Id (2003), al-Tūfi (1998), Ibn Rajab al-Ḥanbalī (1997) dan sebagainya.

Selain itu, terdapat juga kajian-kajian yang memberi tumpuan kepada biografi Imam al-Nawawi sebagai penyusun Kitab Hadith 40. Kajian-kajian ini menghuraikan latar belakang kehidupan, pendidikan, dan sumbangan beliau dalam bidang ilmu khususnya pengajian hadith. Mereka mengupas metodologi yang digunakan oleh Imam al-Nawawi dalam memilih dan menyusun 42 hadith dalam kitab tersebut serta kepakaran beliau dalam mengulas dan menjelaskan maksud sebenar hadith-hadith berkenaan. Antara kajian yang memfokuskan tema ini ialah kajian Amir (2021), Amir, A. N. (2022), Amir, A. N. (2023) dan sebagainya.

Tema lain yang turut dibincangkan dalam kajian-kajian lepas adalah berkaitan kedudukan dan kepentingan Kitab Hadith 40 dalam pengajian dan pendidikan Islam. Pengkaji-pengkaji seperti Yayah Fauziyah (2023), Mohamed (2021) mengkaji sejauh mana kitab ini dimanfaatkan sebagai sumber rujukan dan bahan pengajaran di institusi-institusi pengajian Islam sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti. Mereka juga meninjau kaedah dan teknik terbaik untuk mengajar dan memahami kandungan kitab ini agar pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif dan bermanfaat. Sementara itu, kajian Noor, *et. al.* (2020) pula memfokuskan tentang akses Hadith 40 menerusi medium Braille. Manakala kajian Aziz, *et. al.* (2015) yang mengkaji tentang Kitab Hadith 40 dalam versi laman sesawang atau aplikasi telefon bimbit.

Menyedari kedudukan dan kepentingan kitab tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan "Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi" (MPH40) pada Ogos 2023 (Badra, 2023). Ia merupakan modul pendidikan komprehensif yang dibangunkan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan ajaran Islam yang terkandung dalam Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi (Sinar Harian, 2023; Malay Mail, 2023). Modul ini bertujuan untuk menyemai nilai, etika, dan kefahaman agama dalam kalangan pelajar dan guru, menekankan kepentingan menghayati mesej dan fadilat yang terkandung dalam Hadith. Ia direka untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah terpilih peringkat rendah dan menengah. Pelaksanaan modul ini dilihat sebagai satu langkah yang signifikan ke arah membentuk akhlak anak muda Islam, menekankan kepentingan pendedahan awal terhadap ajaran agama dan nilai etika (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023).

Berdasarkan analisis terhadap dokumen rasmi MPH40 dan kajian-kajian lepas, kajian ini belum mendapati satu kajian mendalam tentang keperluan hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi di semua peringkat pengajian di Malaysia. Dalam pada itu, MPH40 juga tidak menekankan aspek hafalan, tetapi tertumpu kepada aktiviti bacaan hadith selepas solat, usrah mingguan, sudut info, pidato, pengisian hadith dalam perhimpunan, atau ceramah, kuliah dan sebagainya. Justeru, objektif utama kajian ini adalah berusaha untuk merintis idea bagi menjadikan hafalan hadith dalam Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi dalam kurikulum pengajian Islam di IPT Malaysia, sebagai kesinambungan MPH40 di peringkat rendah dan menengah.

3. Metodologi Kajian

Sebagai suatu kajian yang berada di peringkat awal, kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan memanfaatkan kaedah analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Analisis dokumen akan meliputi kajian terperinci terhadap sukatan pelajaran dan kurikulum sedia ada di institusi pengajian tinggi terpilih, Kitab Hadith 40 berserta kupasannya, serta sumber-sumber sekunder lain yang berkaitan. Data yang dikumpulkan akan dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti keperluan, kelebihan, cabaran serta cadangan pelaksanaan program atau kursus berkonsepkan hafalan Kitab Hadith 40 dalam kurikulum pengajian Islam di peringkat

institusi pengajian tinggi di Malaysia. Dalam kajian lanjutan, dicadangkan supaya kaedah pengumpulan data disokong dengan kaedah temu bual mendalam bersama pakar-pakar dalam bidang pengajian Islam seperti pensyarah di institusi pengajian tinggi, pentadbir yang terlibat dalam pembangunan kurikulum, serta tokoh-tokoh ilmuwan yang pakar dalam Kitab Hadith 40 karya Imam al-Nawawi

4. Dapatan Kajian


Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kepentingan dan keistimewaan menghafal Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi dari sudut ilmiah dan kerohanian. Daripada aspek ilmiah, ia dapat meningkatkan daya ingatan, tumpuan minda, pemikiran kritis serta kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar. Manakala dari sudut kerohanian pula, menghafal hadith-hadith ini mampu membina hubungan yang lebih erat dengan al-Quran, meningkatkan keimanan dan ketakwaan, membentuk akhlak mulia serta memperoleh keberkatan dari Allah SWT.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pelajar institut pengajian tinggi pada masa kini untuk menghafal hadith dari aspek dalaman seperti kekangan masa, masalah motivasi dan disiplin diri; atau aspek luaran seperti bebanan tugas akademik, dan persekitaran tidak kondusif. Namun, kajian ini turut mengenal pasti kaedah dan teknik yang berkesan untuk mengatasi cabaran tersebut seperti kaedah pengulangan, persembahan, memahami maksud hadith, membahagikan hafalan serta mengamalkan persekitaran dan pengurusan masa yang sistematik.

Seterusnya, kajian ini turut mencadangkan kaedah pelaksanaan dan penilaian yang sesuai bagi membolehkan hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi dijadikan sebagai satu kursus atau subjek wajib dalam kurikulum pengajian Islam di IPT. Antaranya ialah menawarkannya sebagai kursus teras pada peringkat tahun 2 atau 3, pengajaran teori dan kelas hafalan khusus, penilaian berterusan dan peperiksaan akhir, serta penetapan syarat lulus yang jelas.

Keperluan ini amat penting bagi membolehkan pelajar membina asas kefahaman Islam yang kukuh, memupuk budaya hafalan hadith serta melahirkan graduan mahir dalam bidang hafalan hadith untuk kesinambungan penawaran subjek ini pada masa hadapan. Akhir sekali, kajian menyimpulkan bahawa hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi memberi impak positif terhadap pembangunan sahsiah pelajar seperti dari aspek kerohanian, kognitif dan kemahiran serta menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih cemerlang berasaskan sunnah Rasulullah SAW. Rumusan dapatan ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah:

Rajah1: Rumusan dapatan kajian





5. Perbincangan

Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi merupakan sebuah karya agung yang mengandungi 42 hadith penting kepada umat Islam yang merangkumi pelbagai aspek ajaran dan amalan Islam seperti akidah, ibadah, akhlak dan pergaulan sosial. Karya Imam al-Nawawi ini mendapat penghormatan dan pengiktirafan dalam kalangan ulama sejak dahulu sehingga kini kerana ia memuatkan hadith-hadith sahih dan autentik terutamanya daripada al-Bukhari dan Muslim. Hadith-hadith dalam karya ini telah dihafal, dianalisis, dihuraikan, dan diterjemahkan dalam pelbagai bahasa di seluruh dunia termasuk ulama Nusantara.

Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi untuk memupuk penghayatan hadith dan nilai-nilai murni dalam kalangan guru dan murid di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah agama bantuan kerajaan. Persoalannya, sejauh manakah keperluan hafalan Kitab Hadith 40 dalam membangunkan intelektual pelajar bidang pengajian Islam di IPT Malaysia? Sekiranya ia terbukti signifikannya, bagaimanakah kaedah pelaksanaan hafalan Kitab Hadith 40 dalam sistem pengajaran dan pembelajaran? Perinciannya dikemukakan dalam perbincangan di bawah:

5.1 Kepentingan dan keistimewaan menghafal Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi dari sudut ilmiah dan kerohanian.

Kepentingan dan keistimewaan menghafal Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi dapat ditinjau dari dua sudut utama, iaitu ilmiah dan kerohanian. Pertama, dari sudut ilmiah pendekatan hafalan mampu meningkatkan daya ingatan dan tumpuan minda (Futami, et. al., 2022; Mishra, 2010; Sprenger, 1999). Proses menghafal hadith memerlukan kesungguhan, kecekalan dan latihan berterusan kepada minda untuk mengingati dan menghayati setiap kalimah pada sanad dan teks hadith. Ini membantu mengukuhkan daya ingatan dan meningkatkan tumpuan seseorang (Khan, 2010; Mooney, & Shank, 2008). Menghafal hadith juga mampu mendidik pemikiran kritis dan analitikal. Bagi memahami maksud sebenar setiap hadith, seseorang perlu berfikir secara kritis dan menganalisis dengan teliti setiap kalimah dan teksnya (Sardar, 2017).

Selain itu, hafalan hadith mampu memperkaya perbendaharaan kata dan kemahiran berbahasa. Justifikasinya, menghafal hadith dalam bahasa Arab yang tinggi gaya bahasanya dapat memperkayakan perbendaharaan kata Arab serta meningkatkan kemahiran berbahasa seseorang (Herawati, & Ainil, 2023; Indah & Rohmah, 2020). Akhirnya, budaya keilmuan tersebut mampu memupuk minat terhadap Sunnah Rasulullah SAW. Dengan mendalami kandungan 40 hadith pilihan ini, seseorang akan lebih tertarik dan berminat untuk mendalami sunnah baginda Rasulullah SAW dengan lebih mendalam lagi.

Dari sudut kerohanian pula, menghafal hadith mampu membina hubungan yang lebih dekat dengan al-Quran. Hadith merupakan penjelas dan pelengkap kepada ayat-ayat al-Quran. Menghafal dan memahami hadith akan membantu seseorang itu lebih menghayati dan mengamalkan kandungan al-Quran (Gent & Muhammad, 2019; Rahman, et. al., 2018). Pada masa yang sama, hafalan hadith mampu meningkatkan keimanan dan ketakwaan. Setiap hadith mempunyai pengajaran besar tentang keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Justeru, menghafalnya membantu seseorang itu sentiasa mengingati dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar (Aziz, 2021; Ishak, et. al., 2021).

Faedah kerohanian juga dapat ditinjau dengan membentuk akhlak mulia. Justifikasinya, Kitab Hadith 40 oleh Imam al-Nawawi ini mengandungi hadith-hadith tentang akhlak yang terpuji seperti benar, amanah, sabar dan sebagainya (Siregar, 2020). Menghafalnya membantu membentuk akhlak seseorang dengan lebih sempurna. Oleh itu, amalan menghafal kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi ini memberi kepentingan dan keistimewaan yang besar kepada para penghafal bukan sahaja dari sudut ilmiah malah juga dari sudut kerohanian demi mencapai kesempurnaan kehidupan di dunia dan akhirat.

5.2 Cabaran dan halangan menghafal hadith dalam kalangan pelajar IPT pada masa kini.

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar IPT pada masa kini dalam menghafal hadith adalah kekangan masa dan bebanan komitmen terhadap pelajaran yang lain. Pelajar pada peringkat ini selalunya mempunyai jadual kelas yang padat, tugas, projek atau kerja kursus yang perlu disiapkan, selain aktiviti ko-kurikulum yang turut menyumbang kepada kekangan masa (Abu, et. al., 2007; Abdullah Sani Yahaya, 2005). Justeru, keadaan ini menyukarkan mereka untuk meluangkan masa yang khusus dan berterusan bagi menghafal hadith dengan konsisten. Tambahan pula, tekanan untuk mencapai kecemerlangan akademik (Dahlan, & Muhamad, 2017) sering mengalahkan keinginan mereka untuk mempelajari ilmu agama seperti menghafal hadith.



Selain itu, persekitaran dan suasana pembelajaran di IPT yang kurang memberangsangkan turut menjadi halangan kepada pelajar untuk menghafal hadith. Kebanyakan pelajar pada peringkat ini tinggal di kolej atau asrama yang mungkin mempunyai persekitaran yang tidak kondusif untuk aktiviti menghafal seperti bising dan terlalu banyak gangguan (Ghani & Ahmad, 2011). Oleh itu, kekurangan kemudahan dan inisiatif daripada pihak pengurusan institusi untuk mempromosi dan menggalakkan amalan menghafal hadith juga menyumbang kepada cabaran ini.

Faktor diri atau dalaman pelajar itu sendiri seperti kurang motivasi, komitmen yang rendah, masalah disiplin sendiri dan kecenderungan kepada perkara kebendaan juga merupakan halangan besar untuk menghafal hadith. Seseorang pelajar mungkin kurang melihat kepentingan dan kebaikan menghafal hadith, lalu kurang bermotivasi untuk melakukannya. Sementara yang lain pula gagal untuk berdisiplin dan komited dalam rutinnya untuk menghafal hadith kerana terlalu terdedah kepada pelbagai gangguan dalaman dan luaran seperti keghairahan terhadap teknologi dan hiburan pada masa kini. Semua faktor ini menyumbang kepada kegagalan untuk menghafal hadith dalam kalangan pelajar pengajian tinggi.

5.3 Kaedah dan teknik berkesan untuk menghafal Hadith 40 Imam al-Nawawi.

Kaedah pengulangan dan persembahan adalah antara yang paling penting untuk menghafal Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi dengan berkesan (Worcester, 1925; Güneş, 2020). Pelajar perlu membaca dan mengulang setiap hadith berulang kali sehingga ia tersemat kukuh dalam ingatan. Teknik persembahan seperti membaca hadith dengan kuat dan mendengar rakaman audio juga dapat membantu memperkukuhkan hafalan (Gibson, 2008; Ding, 2007; O'Malley, et. al., 1989). Selain itu, membahagikan hadith kepada pecahan yang lebih kecil dan menghafal secara berperingkat juga memudahkan proses menghafal (Messier, 2004). Contohnya, bermula dengan menghafal mukadimah terlebih dahulu sebelum beralih kepada hadith pertama dan seterusnya.

Pemahaman yang mendalam terhadap maksud dan kandungan setiap hadith juga merupakan teknik penting untuk membantu menghafal dengan lebih berkesan (Dunlosky, et. al., 2013; Lujan & DiCarlo, 2006). Justifikasinya, dengan memahami konteks dan pengajaran hadith, ia akan lebih bermakna dan mudah untuk diingati. Justeru, mendalami terjemahan, syarah, dan mempelajari sebab penurunan (*asbab al-wurud*) setiap hadith amatlah digalakkan. Selain itu, mengaitkan hadith dengan situasi dan pengalaman kehidupan seharian turut membantu meningkatkan kefahaman dan daya ingatan terhadap kandungannya.

Persekitaran yang kondusif juga amat penting untuk menghafal dengan berkesan. Pelajar perlu mencari tempat yang tenang, selesa dan bebas daripada gangguan seperti di sudut masjid atau bilik yang senyap (Crook & Mitchell, 2012; Veltri et al., 2006). Pembahagian masa yang sistematik dengan menetapkan jadual dan sesi menghafal yang khusus setiap hari juga perlu dilakukan. Selain itu, membentuk kumpulan menghafal bersama rakan sebaya turut membantu kerana mereka dapat berbincang, membantu antara satu sama lain, serta memberi semangat dan motivasi untuk terus konsisten (Slavin, 1996; Linn, & Burbules, 2012). Akhirnya, amalan mengulang hafalan secara berkala seperti seminggu atau sebulan sekali juga penting untuk memastikan hafalan kekal terpelihara dalam jangka masa yang panjang (Roediger, & Karpicke, 2006).

5.4 Peranan dan tanggungjawab pensyarah / tenaga pengajar dalam membantu pelajar menghafal hadith.

Pensyarah atau tenaga pengajar memainkan peranan yang sangat penting dalam mendorong dan membantu pelajar menghafal hadith (Harden, & Crosby, 2000). Antara tanggungjawab utama mereka ialah menyuntik semangat dan motivasi yang berterusan dalam kalangan pelajar tentang kepentingan dan ganjaran menghafal hadith-hadith Rasulullah SAW. Ini boleh dilakukan melalui kuliah, tazkirah, nasihat dan kata-kata semangat yang kerap disampaikan sewaktu kuliah atau di luar kuliah. Pensyarah juga perlu menjadi *role model* dengan menunjukkan komitmen mereka sendiri dalam mengamalkan hafalan hadith (Grande, et. al. 2022; Shephard, 2008).

Selain itu, pensyarah bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan aktiviti, program serta inisiatif khusus bagi menggalakkan budaya menghafal hadith dalam kalangan pelajar (Steinert, et. al., 2006; McKnight, et. al., 2016). Antara aktiviti yang boleh dianjurkan adalah pertandingan menghafal hadith, kelas atau kuliah khusus tentang teknik berkesan menghafal hadith, program tasmik atau persembahan hafalan hadith dan sebagainya. Pensyarah juga perlu menjadikan hafalan hadith sebagai sebahagian daripada komponen pengajaran dan penilaian mereka seperti mewajibkan pelajar menghafal hadith-hadith tertentu.

Bimbingan dan tunjuk ajar yang berterusan daripada pensyarah juga amat diperlukan bagi memastikan para pelajar menghafal hadith dengan betul dan berkesan. Pensyarah perlu membimbing pelajar dari aspek kaedah dan teknik terbaik untuk menghafal, membantu mereka mengatasi cabaran dan masalah, serta membetulkan sebarang kelemahan atau kesilapan dalam hafalan pelajar. Pensyarah juga bertanggungjawab



untuk sentiasa memantau dan menilai tahap hafalan dan kemajuan yang dicapai oleh para pelajar agar mereka terus berada pada landasan yang betul. Sokongan, galakan dan nasihat yang berterusan daripada pensyarah akan dapat membantu pelajar mencapai objektif menghafal hadith dengan jayanya (Biggs, 1999).

5.5 Cadangan pelaksanaan dan kaedah penilaian yang sesuai untuk kursus hafalan ini.

Kajian ini mencadangkan kursus hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi agar dilaksanakan sebagai kursus teras atau elektif di peringkat sijil, diploma atau sarjana muda pengajian Islam di IPTA atau IPTS. Ia sesuai ditawarkan kepada pelajar pada peringkat tahun kedua atau ketiga kuliah agar mereka mempunyai asas yang kukuh dalam bahasa Arab dan ilmu pengajian Islam terlebih dahulu. Kursus ini boleh dijalankan dalam dua atau tiga jam kredit, dengan sekurang-kurangnya dua waktu pertemuan kuliah bersemuka bersama pensyarah dalam seminggu. Selain itu, sesi pembelajaran tambahan seperti kelas khusus hafalan dan tasmik perlu diadakan secara berkala sama ada secara individu atau berkumpulan.

Bagi komponen penilaian, ia seharusnya merangkumi penilaian berterusan sepanjang semester dan juga peperiksaan akhir. Untuk penilaian berterusan, pensyarah boleh menilai setiap pelajar berdasarkan prestasi hafalan mereka melalui aktiviti seperti tasmik hafalan berkumpulan, ujian hafalan kecil-kecilan secara lisan atau bertulis, penyertaan dalam pertandingan hafalan dan sebagainya. Markah turut diperuntukkan kepada komponen seperti kerajinan, komitmen dan disiplin pelajar dalam menghadiri kelas hafalan. Peperiksaan akhir pula hendaklah merangkumi dua bahagian iaitu ujian lisan dengan pensyarah dan juga ujian hafalan bertulis dalam bentuk tasmik.

Selain itu, pihak pengurusan institusi dan pensyarah perlu menetapkan syarat lulus atau tahap hafalan minimum yang perlu dicapai oleh pelajar dalam peperiksaan akhir. Contohnya, syarat lulus ialah pelajar perlu dapat menghafal dan melafazkan dengan sempurna sekurang-kurangnya 30 daripada 42 hadith dalam kitab tersebut semasa peperiksaan. Atau tahap minimum pencapaian seperti 70% keseluruhan hafalan. Penilaian tahap hafalan boleh juga dilakukan berdasarkan kategori seperti bacaan yang tepat, hafalan yang sempurna, pemahaman terhadap maksud dan sebagainya. Penetapan syarat dan kaedah penilaian yang jelas dan munasabah adalah penting untuk memastikan pelaksanaan kursus hafalan ini mencapai objektif dan keberkesanan yang dihasratkan.

5.6 Keperluan menjadikan hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi sebagai satu subjek/kursus wajib dalam kurikulum pengajian Islam di IPT.

Menjadikan hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi sebagai subjek atau kursus wajib merupakan satu keperluan signifikan dalam memartabatkan sunnah Rasulullah SAW serta memupuk kefahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap ajaran Islam dalam kalangan pelajar IPT. Kitab ini mengandungi 42 hadith pilihan yang merangkumi pelbagai aspek utama dalam Islam seperti akidah, akhlak, ibadat dan muamalat. Menghafal dan memahami kandungannya akan membentuk asas kefahaman Islam yang kukuh dalam diri pelajar serta menyediakan mereka dengan bekalan ilmu hadith yang penting sebelum mempelajari ilmu lain pada peringkat yang lebih tinggi. Justeru, menjadikan hafalan kitab ini sebagai subjek wajib akan memastikan setiap pelajar pengajian Islam mempunyai asas ilmu yang sama dan mencukupi.

Selain itu, menghafal hadith-hadith Rasulullah SAW merupakan satu amalan yang amat digalakkan di samping sebagai khazanah ilmu yang perlu dipelihara dan dipelajari oleh setiap Muslim (Rahman, 2024) Rasulullah SAW telah memerintahkan umatnya untuk mempelajari dan mengamalkan sunnahnya sebagai cara untuk mendapat petunjuk dan mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Di samping itu, keperluan ini turut bermatlamat untuk melahirkan graduan pengajian Islam yang mempunyai keupayaan dan kemahiran khusus dalam bidang hafalan dan pemahaman hadith.

Ini amat penting untuk menjamin kesinambungan institusi-institusi yang mengkhusus dalam pengajian dan penghafalan ilmu hadith di Malaysia seperti maahad tahfiz, pondok, madrasah dan sebagainya. Graduan yang mahir dalam bidang ini berupaya untuk menjadi tenaga pengajar dan pakar rujukan dalam subjek hadith pada masa akan datang. Seterusnya, dapat melahirkan masyarakat yang celik hadith dengan mempunyai kefahaman yang jitu terhadap sunnah Rasulullah SAW demi membina masyarakat yang berpegang kepada ajaran Islam sebenar secara menyeluruh (Adriansyah & Azhar, 2023).



5.7 *Impak positif hafalan hadith ini terhadap pembangunan sahsiah pelajar dan sumbangannya kepada masyarakat.*

Menghafal dan memahami Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi memberi impak yang amat positif terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari pelbagai aspek. Dari sudut kerohanian, ia dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan seseorang pelajar itu kepada Allah SWT. Kandungan 42 hadith pilihan ini memberi panduan lengkap mengenai akidah, ibadat, dan akhlak mulia yang seharusnya dijadikan pegangan hidup oleh setiap Muslim (Yayah Fauziyah, 2023). Dengan memahami dan mengamalkan pengajarannya, pelajar akan lebih dekat dengan penciptanya, tekun beribadah, dan sentiasa berusaha membersihkan jiwa daripada perkara keji dan mungkar. Ini membentuk insan yang soleh dan berakhlak mulia.

Selain itu, menghafal hadith secara umumnya termasuk Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi ini, dapat melatih dan mempertingkatkan kemampuan minda dan daya ingatan seseorang pelajar. Proses memasukkan, mengingat, dan mengulang hafalan secara berterusan menggalakkan kepupusan mental dan pemusatan tumpuan yang tinggi. Perkara ini amat penting untuk melahirkan pelajar yang berdisiplin dan cemerlang dari segi kognitif serta pencapaian akademik. Selain itu, menghafalkan hadith turut mengembangkan perbendaharaan kata dan kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Apabila para pelajar ini berjaya menghayati dan mengamalkan pengajaran murni yang terkandung dalam Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi, ia memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan masyarakat yang cemerlang. Mereka akan menjadi agen perubahan yang menyebarkan nilai-nilai murni Islam seperti kebenaran, keadilan, integriti, kesabaran, serta kasih sayang melalui amalan dan tindakan mereka dalam apa jua lapangan kerjaya yang diceburi. Ini secara tidak langsung merapatkan jurang dalam masyarakat dan menyelesaikan pelbagai gejala sosial yang berleluasa seperti penipuan, rasuah, keganasan dan sebagainya. Masyarakat akan menjadi lebih aman, harmoni dan berakhlak tinggi berteraskan pegangan hidup yang berpandukan sunnah Rasulullah SAW. Justeru, menjadikan hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi sebagai satu kurikulum wajib di IPT mampu melahirkan generasi pelajar serta masyarakat yang cemerlang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

6. Kesimpulan

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji keperluan, cabaran serta cadangan pelaksanaan hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi sebagai sebahagian daripada kurikulum pengajian Islam di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Dapatan utama kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang mendesak untuk menjadikan hafalan koleksi hadith ini sebagai subjek wajib memandangkan kepentingan dan keistimewaannya dalam memupuk kefahaman Islam yang menyeluruh dalam kalangan pelajar. Namun, terdapat pelbagai cabaran seperti kekangan masa, persekitaran tidak kondusif, serta masalah motivasi yang menghalang pelajar daripada menghafal hadith.

Justeru, implikasi dapatan ini mencadangkan agar pihak institusi dan pensyarah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan program, kemudahan dan bimbingan khusus untuk menggalakkan budaya hafalan hadith. Kajian akan datang boleh difokuskan kepada merumuskan sukatan dan bentuk kurikulum hafalan yang paling sesuai untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kelompangan dalam kajian ini adalah dari sudut jumlah responden yang terlalu kecil serta ketiadaan kajian lapangan yang lebih mendalam untuk meninjau keperluan sebenar di peringkat pelaksanaan. Namun, hasil kajian ini masih mampu memberi gambaran awal yang baik tentang kepentingan menerapkan hafalan Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi dalam kurikulum pengajian Islam di IPT.

Rujukan

- Abdullah Sani Yahaya (2005). *Mengurus disiplin pelajar*. PTS Professional.
- Abu, B., Johan, O. M., Mansor, S. M. S. S., & Jaafar, H. (2007). Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti di Fakulti Pendidikan UTM Johor. *Laporan Penyelidikan* No, 71881.
- Adriansyah, A., & Azhar, A. (2023). Analisis Model Pembelajaran Konstruktivistik Interaktif Dalam Kitab Hadis Arbain Karya Imam Nawawi. *Sustainable Jurnal Kajian Mutu Pendidikan*, 6(1), 108-117. <https://doi.org/10.32923/kjimp.v6i1.3445>



- Ahmad Nabil Amir. (2023). Imam Al-Nawawi: Riwayat Ringkas Tentang Latar Pemikiran Dan Pengaruhnya: Imam Al-Nawawi: A Brief History of his Thought Background and Influence. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 6(2), 58–68. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i2.6980>
- Amin, K. & Siregar, M. (2022). Sheikh nawawi al-bantani: thoughts, educational and relevance to islamic contemporary education. *Syaikhuna: Jurnal Pendidikan Dan Pranata Islam*, 13(02), 109-121. <https://doi.org/10.36835/syaikhuna.v13i02.5694>
- Amin, S. (2021). *Pendidikan Akhlak Berbasis Hadits Arba'in An Nawawiyah*. Jawa Barat, Penerbit Adab.
- Amir, A. N. (2022). Imam Al-Nawawi: Riwayat Ringkas Tentang Latar Pemikiran Dan Pengaruhnya. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 2(1).
- Amir, A. N. (2023). Imam Al-Nawawi: Latar Pemikiran dan Pengaruhnya: (Imam al-Nawawi: Historical Context of His Thought and Influence). *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 10(2), 1–16. <https://doi.org/10.22452/ris.vol10no2.1>
- Aziz, A. A. (2021). Analysis Of Literature Review On Spiritual Concepts According To The Perspectives Of The Al-Quran, Hadith And Islamic Scholars. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(9), 3152-3159.
- Aziz, M., Akram, U., Rashed, K. A. N., & Jarke, M. (2015). Qos framework for mobile-to-mobile multimedia streaming applications. 2015 Science and Information Conference (SAI). <https://doi.org/10.1109/sai.2015.7237266>
- Badi, J. A. (2016). *Commentary on the Forty Hadith of Imam Al-Nawawi-Timeless Prophetic Gems of Guidance and Wisdom*. Lulu. com.
- Badra. (2023, 21 Ogos). *Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi - KPM*. ECentral. <https://ecentral.my/modul-penghayatan-hadis-40-imam-nawawi/>
- Biggs, J. (1999). What the student does: teaching for enhanced learning. *Higher Education Research & Development*, 18(1), 57-75. <https://doi.org/10.1080/0729436990180105>
- Crook, C. and Mitchell, G. (2012). Ambience in social learning: student engagement with new designs for learning spaces. *Cambridge Journal of Education*, 42(2), 121-139. <https://doi.org/10.1080/0305764x.2012.676627>
- Dahlan, N. D. and Muhamad, T. A. (2017). Mental toughness and academic achievement among footballers at national university of Malaysia. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 6(1), 21-35. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol6.1.3.2017>
- Dani, A. (2018). Hadith selection methods in the study of sirah nabawiyah (an analysis of shahih sirah nabawiyah by akram dhiya al-'umari). *International Journal of Nusantara Islam*, 5(2), 154-173. <https://doi.org/10.15575/ijni.v5i2.1741>
- Ding, Y. (2007). Text memorization and imitation: the practices of successful chinese learners of English. *System*, 35(2), 271-280. <https://doi.org/10.1016/j.system.2006.12.005>
- Dunlosky, J., Rawson, K. A., Marsh, E. J., Nathan, M. J., & Willingham, D. T. (2013). Improving students' learning with effective learning techniques. *Psychological Science in the Public Interest*, 14(1), 4-58. <https://doi.org/10.1177/1529100612453266>
- Futami, K., Kawahigashi, D., & Murao, K. (2022). Mindless memorization booster: a method to influence memorization power using attention induction phenomena caused by visual interface modulation and its application to memorization support for english vocabulary learning. *Electronics*, 11(14), 2276. <https://doi.org/10.3390/electronics11142276>
- Gent, B. & Muhammad, A. (2019). Memorising and reciting a text without understanding its meaning: a multi-faceted consideration of this practice with particular reference to the qur'an. *Religions*, 10(7), 425. <https://doi.org/10.3390/rel10070425>
- Ghani, M. Z., & Ahmad, A. C. (2011). *Pengantar pendidikan khas* (Penerbit USM). Penerbit USM.
- Gibson, S. (2008). Reading aloud: a useful learning tool?. *ELT Journal*, 62(1), 29-36. <https://doi.org/10.1093/elt/ccm075>
- Grande, V., Kinnunen, P., Peters, A., Barr, M., Cajander, Å., Daniels, M., ... & Thota, N. (2022). Role modeling as a computing educator in higher education. *Proceedings of the 2022 Working Group Reports on Innovation and Technology in Computer Science Education*. <https://doi.org/10.1145/3571785.3574122>
- Güneş, F. (2020). Discussions of Memorization in Education. *Eğitim Kuram Ve Uygulama Araştırmaları Dergisi*, 6(3), 409-418.
- Hafidhuddin, H. and Qudsy, S. (2021). Nawawi al-bantani, ashhab al-jawiiyyin di bidang hadis: rihlah, genealogi intelektual, dan tradisi sanad hadis. *Al-Izzah Jurnal Hasil-Hasil Penelitian*, 14. <https://doi.org/10.31332/ai.v0i0.2432>



- Hamdan, N., & Mohd Noor, N. A. (2022). Pendidikan Akhlak Kepada Manusia Berdasarkan Kitab Hadis 40: Satu Kajian Analisis. *Proceedings Borneo Islamic International Conference EISSN 2948-5045*, 13, 313-319. Retrieved from <https://majmuah.com/journal/index.php/kaib1/article/view/275>
- Harden, R. M. and Crosby, J. (2000). Ameer guide no 20: the good teacher is more than a lecturer - the twelve roles of the teacher. *Medical Teacher*, 22(4), 334-347. <https://doi.org/10.1080/014215900409429>
- Herawati, E. and Ainil Mawaddah (2023). Enriching arabic vocabulary: examining the impact of quranic word-by-word translation on student proficiency. *Peradaban Journal of Interdisciplinary Educational Research*, 1(1), 34-51. <https://doi.org/10.59001/pjier.v1i1.98>
- Hidayat, A., Mustaqim, M., Hadi, B., & Hashim, A. (2017). The influence of al-sahihayn on popular hadith literatures: the case of khazinah al-asrarjalilah al-adhkar. *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(1), 29-37. <https://doi.org/10.7187/gjat12420170701>
<https://doi.org/10.30762/universum.v9i1.77>
- Ibn Daqīq al-‘Id. (2003). *Sharḥ al-Arba’īn al-Nawawiah fī al-Aḥādīth al-Nabawiah al-Ṣaḥīḥah*. Beirut, Muassasah al-Rayyan.
- Ibn Raja bal-Hanbalī. (1997). *Jām’ al-‘Ulum wa al-Ḥikam fī Sharḥ Khamsin Ḥadīthan min Jawāmi’ al-Kalim*. Beirut, Muassasah al-Rislah.
- Ibn Rajab al-Hanbalī, ‘Abd al-Raḥmān bin Shibāb al-Dīn. (1997). *Jāmi’ al-‘Ulūm wa al-Ḥikam*. Beirut, Muassasah al-Rislah.
- Indah, R. N. & Rohmah, G. N. (2020). Islamic vocabulary enrichment for autistic children through visual support. Proceedings of the 2nd International Conference on Quran and Hadith Studies Information Technology and Media. <https://doi.org/10.4108/eai.2-10-2018.2295405>
- Ishak Khairon, Kamarul Azmi Jasmi, Mohamad Khairul Latif, Muhammad Yusof Hakimi Mohd Kanafiah, Mohd Norazmi bin Nordin. (2021). Thrust Of Faith And Manifestations To Faith According To The Qur’an And Hadith: A Study Of Content Analysis. *PalArch’s Journal of Archaeology of Egypt / Egyptology*, 18(4), 295-314. Retrieved from <https://archives.palarch.nl/index.php/jae/article/view/5742>
- Iskandar Shah Mohamed (2023, September 9). *KPM nafi keluarkan lima hadis modul Hadis 40 Imam Nawawi*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/kpm-nafi-keluarkan-lima-hadis-modul-hadis-40-imam-nawawi/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi*. Bahagian Pendidikan Islam, Cyberjaya.
- Khan, I. A. (2007). The Authentication of Hadith: Redefining Criteria. *American Journal of Islam and Society*, 24(4), 50–73. <https://doi.org/10.35632/ajis.v24i4.429>
- Kirin, A. & Masruri, M. (2022). The method of shaykh nawawi al-banteni in hadith commentaries of tanqih al-qaul. *Riwayah Jurnal Studi Hadis*, 8(1), 179. <https://doi.org/10.21043/riwayah.v8i1.15460>
- Linn, M. C., & Burbules, N. C. (2012). Construction of knowledge and group learning. In *The practice of constructivism in science education* (pp. 91-119). Routledge.
- Lujan, H. L. and DiCarlo, S. E. (2006). Too much teaching, not enough learning: what is the solution?. *Advances in Physiology Education*, 30(1), 17-22. <https://doi.org/10.1152/advan.00061.2005>
- Maisarah Sheikh Rahim. (2023, August 25). *KPM laksana Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di sekolah*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kpm-laksana-modul-penghayatan-hadis-40-imam-nawawi-di-sekolah/>
- Malay Mail. (2023, August 19). *Fadhlin: Education Ministry launches “Imam Al-Nawawi’s 40 Hadith” appreciation module*. Malay Mail ; Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/08/19/fadhlin-education-ministry-launches-imam-al-nawawis-40-hadith-appreciation-module/86093>
- McKnight, K., O’Malley, K. J., Ruzic, R., Horsley, M. K., Franey, J., & Bassett, K. (2016). Teaching in a digital age: how educators use technology to improve student learning. *Journal of Research on Technology in Education*, 48(3), 194-211. <https://doi.org/10.1080/15391523.2016.1175856>
- Messier, C. (2004). Glucose improvement of memory: a review. *European Journal of Pharmacology*, 490(1-3), 33-57. <https://doi.org/10.1016/j.ejphar.2004.02.043>
- Mishra, J. (2010). A century of memorization pedagogy. *Journal of Historical Research in Music Education*, 32(1), 3-18. <https://doi.org/10.1177/153660061003200102>
- Mohamed, R. (2021). Teaching and learning methods used by prophet muhammad p.b.u.h and their implementation in veterinary anatomy education. *Journal of Islam and Science*, 8(1). <https://doi.org/10.24252/jis.v8i1.21179>
- Mooney, S. F., & Shank, S. L. (2008). Alzheimer’s: The elusive mind stealer. *National Center of Continuing Education, Course, 3010*, 4-26.



- Noor, A. Y. M., Kashim, M. I. A. M., Ab Rahman, Z., Othman, F. M., & Mokhtar, A. (2020). The application of the Braille version of Nawawi's 40 hadith among people with visual impairment. *Journal of Critical Reviews*, 7(5), 1102-1116.
- O'Malley, J. M., Chamot, A. U., & Küpper, L. (1989). Listening comprehension strategies in second language acquisition. *Applied Linguistics*, 10(4), 418-437. <https://doi.org/10.1093/applin/10.4.418>
- Rahman, A. (2024). Strategy Improving their memorization of hadith in hadith studies courses student. *Kreatifitas: Jurnal Ilmiah Pendidikan Islam*, 12(2), 127-137. Retrieved from <https://ojs.diniyah.ac.id/index.php/Kreatifitas/article/view/1009>
- Rahman, R. A., Oktavieni, A. F., Rilanda, Y. F., Oktavia, G., Mayori, H. F., Febriani, A., ... & Namira, S. (2018). Motivasi dan bentuk kegiatan mahasiswa dalam menghafal alquran; studi kasus rumah qur'an tarqiyah. *Khalifa: Journal of Islamic Education*, 2(1), 21. <https://doi.org/10.24036/kjie.v2i1.198>
- Rakhman, A. (2023). البنية المعرفية للحديث الضعيف عند الإمام النووي (٦٣١ - ٦٧٦ هـ) وتأثيرها في الاستدلال به: دراسة تحليلية. *al-Burhan IQSS*, 7(1), 141-165. <https://doi.org/10.31436/alburhn.v7i1.286>
- Roediger, H. L. & Karpicke, J. D. (2006). The power of testing memory: basic research and implications for educational practice. *Perspectives on Psychological Science*, 1(3), 181-210. <https://doi.org/10.1111/j.1745-6916.2006.00012.x>
- Sabuding, A. (2014). Explanation of akidah in the works of Patani ulama and its relation to method of aqidah hurairan by Imam Al-Nawawi. *International Journal of Nusantara Islam*, 2(2), 21-30.
- Sardar, Z. (2017). *Reading the Qur'an: The contemporary relevance of the sacred text of Islam*. London, Oxford University Press.
- Shephard, K. (2008). Higher education for sustainability: seeking affective learning outcomes. *International Journal of Sustainability in Higher Education*, 9(1), 87-98. <https://doi.org/10.1108/14676370810842201>
- Sinar Harian. (2023, 23 Ogos). *Modul penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi bantu bentuk akhlak pelajar*. Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/275181/berita/nasional/modul-penghayatan-hadis-40-imam-nawawi-bantu-bentuk-akhlak-pelajar>
- Siregar, S. A. (2020). *Studi Hadis-Hadis Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Arba" in An-Nawawi* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Sumatera Utara).
- Slavin, R. E. (1996). Research on cooperative learning and achievement: what we know, what we need to know. *Contemporary Educational Psychology*, 21(1), 43-69. <https://doi.org/10.1006/ceps.1996.0004>
- Sprenger, M. (1999). *Learning and memory: The brain in action*. ASCD.
- Steinert, Y., Mann, K., Centeno, A., Dolmans, D., Spencer, J., Gelula, M. H., ... & Prideaux, D. (2006). A systematic review of faculty development initiatives designed to improve teaching effectiveness in medical education: beme guide no. 8. *Medical Teacher*, 28(6), 497-526. <https://doi.org/10.1080/01421590600902976>
- Surahmat, S. (2015). Potret ideal relasi suami istri (telaah pemikiran hadith shaikh nawawi al-bantani). *Universum*, 9(1).
- Al-Tūfī, Sulaymān bin 'Abd al-Qawiy. (1998). *Al-Ta'yīn fī Sharḥ al-Arba'īn*. Beirut, Muassasah al-Rayyan.
- Veltri, S., Banning, J. H., & Timothy Gray Davies. (2006). The community college classroom environment: student perceptions. *College Student Journal*, 40(3), 517-528.
- Worcester, D.A. (1925). Memory by visual and by auditory presentation. *Journal of Educational Psychology*, 16(1), 18-27. <https://doi.org/10.1037/h0073154>
- Yayah Fauziyah. (2023). Educational Values In The 15th Hadith Of The Book Of Al-Arba'in An-Nawawiyah By Imam An-Nawawi. *MAQOLAT: Journal of Islamic Studies*, 1(1), 25-31. <https://doi.org/10.58355/maqolat.v1i1.5>
- Zitouni, M., Alzahrani, A., Kous, N., Almutlaq, S., Abdul-Ghafour, A., & Zemni, B. (2022). The translation of selected cultural items in al-nawawi's forty hadiths: a descriptive and analytical study. *Journal of Intercultural Communication*, 43-53. <https://doi.org/10.36923/jicc.v22i3.74>